

09/03/2004

Serang peribadi tanda Pas bankrap pendirian

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan pemimpin tertinggi Pas, termasuk Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai golongan yang bankrap pendirian serta strategi kerana sanggup menjadikan serangan terhadap keperibadian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai senjata kempen pilihan raya.

Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Datuk Dr Adham Baba, berkata ia membuktikan Pas kini berada dalam keadaan terdesak sehingga tanpa segan silu menyatakan kesanggupan menyerang peribadi Perdana Menteri.

Katanya, kenyataan yang keluar sendiri daripada mulut Abdul Hadi itu membuktikan beliau orang yang ketandusan idea serta hilang semangat perjuangan Islam yang dilaungkan selama ini.

"Padahal Islam mengajar kita supaya tidak menyerang mana-mana peribadi, tetapi sebaliknya yang dilakukan pemimpin tertinggi Pas ini.

"Jika inilah caranya Pas bermain politik, bererti inilah bentuk didikan yang mereka terapkan kepada generasi muda selama ini hingga menimbulkan kekeliruan serta kebencian orang ramai terhadap kerajaan.

"Oleh itu, ini adalah masa terbaik bagi generasi muda serta pengundi menilai kepemimpinan Pas dan menolak golongan yang sentiasa bermain dengan sentimen dan retorik semata-mata," katanya kepada Berita Harian.

Akhbar semalam melaporkan Abdul Hadi menggariskan tiga perkara akan dijadikan asas serangan terhadap keperibadian Abdullah iaitu kegagalannya membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menolak hudud serta mengambil tindakan berpilih dalam memerangi rasuah.

Sementara itu pemerhati politik, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, pula menyifatkan Abdul Hadi dan Pas sebenarnya kini tersepit akibat kekeringan isu kerana Abdullah tidak suka mencari persengketaan dengan parti pembangkang.

Sehubungan itu, katanya, disebabkan kekurangan isu untuk menarik perhatian pengundi, mereka terpaksa membangkitkan perkara lama yang sebenarnya sudah selesai dan dijelaskan oleh kerajaan.

"Isu Anwar dan pelaksanaan hudud Pas sudah diselesaikan pada zaman Tun Dr Mahathir Mohamad lagi. Begitu juga dengan soal rasuah, perlu ditangani mengikut prosedur dan peraturan.

"Pas sebenarnya terkial-kial mencari isu untuk memenangi pilihan raya kerana peribadi Abdullah sendiri yang jelas ikhlas dan telus, serta menekankan kepentingan dunia dan akhirat," katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim, pula berkata kenyataan Abdul Hadi itu jelas menunjukkan Pas sudah kehabisan modal kerana tiada isu besar yang boleh dibangkitkan.

Beliau yakin jika mereka meneruskan niat untuk menyerang peribadi Perdana Menteri, usaha itu menjadi sia-sia kerana rakyat boleh menilai Abdullah dari segi pengalaman, kewibawaan serta komitmennya terhadap perjuangan untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

"Mereka patut mengkaji rekod Pak Lah sejak zaman pelajar, belia, dalam perkhidmatan awam mahupun politik, serta latar belakang pendidikan dan keluarganya, bukan mengikut emosi kerana tindakan itu akan memalukan Pas sendiri," katanya.